



**MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP**

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

22.09.2023

## ❖ **Manfaat kepada pemegang saham apabila lebih ramai pengarah wanita dan pengarah bebas**

Pengeluar peralatan industri automatik secara kontrak iaitu Genetec Technology Bhd tidak seharusnya menganggap kriteria yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) sebagai membebankan. Ini berikutan cadangan pemindahan penyenaraian Genetec ke Pasaran Utama Bursa Malaysia hanya boleh direalisasikan selepas penambahbaikan tadbir urus korporatnya iaitu dengan meningkatkan jumlah pengarah bebas dalam lembaga pengaruhnya kepada lebih 50 peratus dan pengarah wanita kepada 30 peratus.

Apabila kita memahami maksud yang tersirat, ini adalah dua syarat yang perlu dipatuhi oleh calon-calon yang berhasrat membuat penampilan pertama ke Pasaran Utama.

Dalam pemfailan kepada bursa saham bertarikh 24 Ogos 2023, Genetec mengumumkan bahawa SC pada dasarnya telah meluluskan cadangan pemindahan syarikat itu daripada Pasaran ACE di bawah Seksyen 214(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan di bawah syarat ekuiti Bumiputera untuk syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*).

Namun, pemindahan itu tertakluk kepada Kumpulan melaksanakan "tindakan yang sewajarnya untuk membetulkan ketidakpatuhan terhadap Amalan 5.2 dan 5.9 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (*Malaysian Code on Corporate Governance, MCCG*)".

Bagi yang belum tahu, Amalan 5.2 MCCG mengesyorkan sekurang-kurangnya separuh daripada lembaga pengarah syarikat terdiri daripada pengarah bebas. Lembaga Pengarah Syarikat Besar mestilah terdiri daripada majoriti pengarah bebas (*independent directors, ID*). Syarikat besar ditakrifkan sebagai syarikat dalam senarai Indeks 100 Teratas FBM Bursa Malaysia atau syarikat-syarikat yang mempunyai permodalan pasaran RM2 bilion dan ke atas. Sementara itu, Amalan 5.9 mensyaratkan lembaga pengarah terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 peratus pengarah wanita.

Lembaga pengarah semasa Genetec terdiri daripada tujuh anggota, tiga daripadanya pengarah bebas tetapi hanya ada seorang pengarah wanita dalam lembaganya.

Sejurnya, pemegang saham minoriti perlu menganggap bahawa syarat-syarat yang dikenakan oleh pengawal selia pasaran bukan sebagai batu penghalang tetapi

sebaliknya sebagai sesuatu yang memberi manfaat dari segi meningkatkan nilai pemegang saham kepada Kumpulan yang mana pelanggannya termasuk pembekal kepada syarikat gergasi kenderaan elektrik iaitu Tesla.

### **Ganjaran daripada kepelbagaian**

Selaras dengan usaha mendorong kepelbagaian dalam lebih banyak lembaga pengarah, terutamanya daripada dimensi jantina, MCCG 2021 yang disemak semula telah mengesyorkan supaya semua lembaga terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 peratus pengarah wanita.

Begitu juga Majlis Pelabur Institusi Malaysia (*Institutional Investors Council Malaysia, IIC*) yang terdiri daripada pelabur-pelabur institusi besar seperti KWSP, PNB, KWAP dan Khazanah. IIC dalam Kod Pelabur Institusi Malaysia 2022 dengan jelas meletakkan jangkaan kepada syarikat-syarikat penerima pelaburan supaya terdiri daripada sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan wanita dalam lembaga pengarah mereka dalam tempoh tiga tahun.

Pendirian IIC adalah selaras dengan pelabur institusi global yang besar seperti BlackRock yang telah mula mengundi membantah terhadap syarikat yang mempunyai lembaga pengarah 100 peratus lelaki.

Hasil daripada usaha gigih yang dijalankan oleh pelbagai pihak berkepentingan, Malaysia telah mencapai banyak kemajuan dalam bidang kepelbagaian jantina dalam tempoh sedekad yang lalu. Dalam seluruh populasi PLC yang disenaraikan di Bursa Malaysia, purata peratus pengarah wanita kini berada pada kira-kira 22% pada 1 Mei 2023.

Malah, mengikut Kesaksamaan Jantina dalam Kepimpinan Korporat: Laporan Analisis Serantau yang diterbitkan pada Disember 2022 oleh Inisiatif Bursa Saham Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Sustainable Stock Exchange Initiative, UN SSE*), Malaysia adalah satu daripada empat pasaran baharu muncul dengan lebih 20 peratus daripada kerusi lembaga pengarah 100 PLC teratas dipegang oleh wanita.

Perlu ditegaskan bahawa laporan itu meliputi 3,246 PLC yang disenaraikan di 35 bursa saham merentasi tujuh wilayah di seluruh dunia.

Walaupun terdapat kemajuan yang ketara dalam aspek ini seiring waktu, namun masih ada cabaran yang berterusan dalam perjalanan ke arah mencapai aspirasi sasaran 30 peratus wanita dalam Lembaga Pengarah. Satu daripadanya adalah untuk menangani fenomena sesetengah PLC yang meneruskan amalan mempunyai Lembaga Pengarah yang terdiri daripada 100 peratus lelaki.

Oleh itu, untuk memangkinkan perubahan, Bursa Malaysia pada Januari 2022 telah mengumumkan syarat kepada PLC dengan permodalan pasaran sebanyak RM2 bilion pada 31 Disember 2021 untuk melantik sekurang-kurangnya seorang ahli lembaga wanita selewat-lewatnya 1 September 2022. Bagi PLC yang berbaki, syarat tersebut perlu dipatuhi sebelum 1 Jun 2023.

Pada 1 Jun 2023, Bursa Malaysia telah menamakan secara terbuka 24 PLC yang masih belum melantik sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita, sekali gus gagal mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Bursa.

Kita perlu sedar, bergerak ke hadapan, Bursa Malaysia akan terus berjuang mempromosikan kepelbagaian dalam semua PLC sebagai agenda utama mereka. Komitmen ini menunjukkan penghargaan terhadap pelbagai manfaat yang diperoleh daripada lembaga pengarah yang pelbagai seperti kemampuan membuat keputusan yang lebih baik, meningkatkan keupayaan untuk menarik bakat, meningkatkan daya tahan serta memupuk hubungan yang lebih kukuh dengan pemegang kepentingan, pada masa yang sama menyumbang kepada pembinaan negara.

Khususnya, bermula dari tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, PLC dalam Pasaran Utama dikehendaki mengurus kepelbagaian secara berkesan dalam organisasi masing-masing dengan melaksanakan dasar, proses dan inisiatif yang berkaitan bagi menggalakkan kepelbagaian. Mereka juga dikehendaki supaya membuat penzahiran yang sewajarnya dalam Penyata atau Laporan Kemampanan mereka.

Dalam perkembangan yang sama, PLC dalam Pasaran ACE akan tertakluk kepada syarat ini mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025. Bagi meningkatkan lagi ketelusan dan akauntabiliti, Bursa Malaysia juga akan mewajibkan semua PLC supaya melaporkan dua petunjuk berikut untuk menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa:

- Peratusan pengarah mengikut jantina dan kumpulan umur
- Peratusan pekerja mengikut jantina dan kumpulan umur bagi setiap kategori pekerja.

### **Kelebihan utama pengarah bebas**

Sebagaimana penggalakan kepada kepelbagaian jantina iaitu dengan meningkatkan penyertaan wanita dalam lembaga pengarah kepada 30 peratus dapat meningkatkan keteguhan dan kecekapan lembaga, meningkatkan peratusan pengarah bebas dalam lembaga pengarah syarikat kepada lebih 50 peratus juga merupakan langkah yang dialu-alukan kerana mereka dapat menawarkan penilaian dan pandangan yang tidak berat sebelah apabila membincangkan isu-isu yang sukar ditangani dalam struktur korporat PLC.

Berikut adalah empat kelebihan mempunyai lebih ramai pengarah bebas dalam lembaga dan cara ia dapat meningkatkan standard sesebuah struktur korporat:

**Pengarah bebas membawa perspektif baharu:** Pengarah bebas diharapkan membawa kejelasan dan objektiviti dengan melengkapkan pemahaman ahli lembaga yang lain. Mereka juga menawarkan perspektif yang kritikal dan mencabar status quo, terutamanya dalam konteks perniagaan keluarga yang rapat.

**Set kemahiran baharu yang segar dan terkini:** Ini termasuk memiliki pengetahuan yang luas dalam hal-hal kewangan, pemasaran, tadbir urus, ketelusan dan strategi. Selain

itu, individu yang berbakat ini mempunyai sumber dan rangkaian perniagaan mereka sendiri yang boleh memberikan manfaat kepada organisasi.

**Sosok yang tenang sewaktu konflik atau kebuntuan:** Apabila timbul konflik kepentingan, pengarah bebas mampu menyelesaikan masalah tersebut. Sebagai pihak yang berkecuali, mereka mungkin menghalang ahli lembaga pengarah tertentu daripada membuat keputusan yang berpihak kepada kepentingan mereka sendiri. Pengarah bebas juga mampu berperanan sebagai penimbang tara apabila wujud konflik dalaman antara ahli lembaga pengarah atau pihak berkepentingan serta memastikan semua usul dan urus niaga yang diluluskan adalah demi kepentingan terbaik syarikat dan pemegang saham.

**Penilai yang objektif untuk perancangan penggantian:** Apabila lembaga pengarah sudah menjadi terlalu sebat dalam budaya sesebuah syarikat, mereka mungkin berfikiran sempit atau hanya mempunyai pandangan yang terhad tentang sesuatu isu. Mereka juga cenderung memilih calon pemimpin untuk menerajui syarikat tanpa menoleh semula atau menilai semula situasi yang dialami sedangkan pengarah bebas berkemungkinan besar menemui berlian tak bercana yang sering terlepas pandang oleh lembaga pengarah. Ahli lembaga yang bebas juga boleh bertindak sebagai mentor kepada pemimpin pelapis bagi perniagaan keluarga generasi akan datang.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

#### **Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 25 hingga 29 September 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
25.09.23 (Isnin) 09.30 pagi	NTPM Holdings Berhad (AGM)	<p>Walaupun pendapatan meningkat sebanyak 14% kepada RM868.3 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM764.9 juta), NTPM bertukar menjadi syarikat rugi buat julung-julung kalinya dalam tempoh 10 tahun kewangan terakhir, dengan kerugian bersih berjumlah RM5.9 juta. Kumpulan mencatatkan untung bersih sebanyak RM28.5 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Pada masa yang sama, NTPM berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk mandat pemegang saham baharu bagi urus niaga berulang dengan pihak berkaitan (<i>Recurrent Related Party Transactions, RRPT</i>) yang Bersifat</p>

		Pendapatan atau Perdagangan untuk melaksanakan RRPT dengan Jin Teik Organic Health Food Sdn. Bhd. dan APP China Trading Limited Group, selepas Premier Investment Limited menjadi pemegang saham penting dengan 22.42% kepentingan dalam NTPM pada Mei 2023.
26.09.23 (Selasa) 11.30 pagi	BESHOM Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan menyusut 16.9% tahun ke tahun kepada RM174.2 juta (tahun kewangan 2022: RM209.6 juta), manakala untung sebelum cukai ( <i>profit before tax</i> , PBT) menurun sebanyak 39.7% kepada RM24.3 juta (tahun kewangan 2022: RM40.3 juta). Ini terutamanya disebabkan oleh prestasi segmen Pemasaran Berbilang Aras ( <i>Multi Level Marketing</i> , MLM) yang kurang memberangsangkan pada tahun kewangan 2023 yang mana kos sara hidup yang tinggi menyebabkan anggota MLM lebih berhati-hati ketika berbelanja. Walaupun segmen Borong dan Runcit mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi dari tahun ke tahun, ia masih tidak dapat mengimbangi kekurangan daripada segmen MLM.
26.09.23 (Selasa) 11.30 pagi	Talam Transform Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan 2023 adalah lebih rendah iaitu sebanyak RM61.41 juta berbanding RM66.53 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Justeru, ia mencatatkan untung kasar yang lebih rendah berjumlah RM13.41 juta, mewakili penurunan tahun ke tahun sebanyak 38.88% daripada RM21.94 juta yang dicatatkan pada tahun lepas.
26.09.23 (Selasa) 02.00 petang	AT Systemization Berhad (AGM)	Kumpulan terus bergelut dengan kerugian sepanjang lima tahun kewangan yang lalu, dengan rugi bersih yang lebih rendah sebanyak RM82.7 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: kerugian sebanyak RM124.1 juta).  Ia mencatatkan pendapatan yang lebih rendah, berlatarkan situasi seperti persekitaran kos yang lebih tinggi yang disebabkan oleh tekanan rantaian bekalan, seterusnya menjelaskan industri dan inflasi, permintaan sarung tangan yang kembali normal serta

		<p>kesan kerugian daripada syarikat bersekutu.</p> <p>Kumpulan menjangkakan segmen pembuatan akan mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun kewangan 2024.</p>
26.09.23 (Selasa) 02.30 petang	Microlink Solutions Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Microlink bagi tahun kewangan 2023 meningkat 13.8% tahun ke tahun kepada RM248.45 juta. Bagaimanapun, untung sebelum cukainya menyusut kepada RM31.92 juta, berbanding RM34.23 juta pada tahun sebelumnya. Kejayaan pemindahan dari Pasaran ACE ke Pasaran Utama menjadi batu loncatan bagi syarikat manakala pelebaran sayap ke Timur Tengah dan ASEAN mencerminkan aspirasi Kumpulan untuk berada di persada global.</p>
26.09.23 (Selasa) 03.00 petang	Farm Fresh Berhad (AGM)	<p>Didorong oleh peningkatan volum jualan untuk produk Kumpulan di bawah kategori produk yang didinginkan dan yang bersuhu bilik, bersama-sama sumbangan daripada pelancaran produk baharu, Farm Fresh Berhad mencatatkan lonjakan 26% dalam pendapatan tahunannya pada tahun kewangan 2023, daripada RM501.9 juta kepada RM629.7 juta. Bagaimanapun, untung sebelum cukainya menguncup 21% daripada RM65.7 juta kepada RM52.2 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan kos bahan mentah tenuu, terutamanya susu tepung penuh dan susu tepung mentah.</p>
27.09.23 (Rabu) 09.00 pagi	XL Holdings Berhad (AGM)	<p>Bagi tempoh kewangan 15 bulan berakhir 30 April 2023, Kumpulan mencatatkan untung bersih yang lebih tinggi sebanyak RM5.4 juta berbanding RM0.1 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2022. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh nilai saksama aset biologi yang disumbangkan oleh Ergobumi, anak syarikat milik penuh yang baru diambil alih syarikat.</p>

		<p>Meskipun mencatatkan untung bersih yang lebih tinggi dalam tempoh kewangan berakhir 2023, aset bersih sesahamnya telah jatuh kepada 66 sen pada penghujung tempoh kewangan berakhir 2023 (tahun kewangan 2022: 80 sen), berikutan penerbitan 97.19 juta saham baharu hasil daripada penukaran Nota Boleh Tukar Boleh Tebus dalam tempoh kewangan berakhir 2023.</p>
27.09.23 (Rabu) 10.00 pagi	Esthetics International Group Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, pendapatan Kumpulan melonjak 34% tahun ke tahun kepada RM165.1 juta (tahun kewangan berakhir 2022: RM123.6 juta), setanding dengan pendapatan yang dicatatkan pada tahun kewangan 2020 yang berjumlah RM170.6 juta, iaitu sebelum dunia dilanda wabak COVID-19. Bagaimanapun, keuntungannya masih belum pulih; Kumpulan mencatatkan rugi bersih berjumlah RM5.7 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: -RM6.1 juta).</p> <p>Kerugian itu berpunca daripada cabaran akibat gangguan rantai bekalan pasca pandemik, tekanan inflasi serta pengukuhan dolar AS ke paras tertinggi berbanding ringgit Malaysia pada tahun kewangan berakhir 2023.</p>
27.09.23 (Rabu) 10.00 pagi	LB Aluminium Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2023, LBALUM mencapai peningkatan sebanyak 13% dalam pendapatan kepada RM777.8 juta (tahun kewangan berakhir 2022: RM686.6 juta) manakala untung bersihnya sedikit rendah iaitu berjumlah RM37.0 juta berbanding RM38.5 juta dalam tempoh yang sama sebelum ini.</p> <p>Peningkatan pendapatan ini sebahagian besarnya disumbang oleh pengiktirafan pendapatan daripada Segmen Hartanah, yang menyumbang RM112.0 juta, iaitu pendapatan daripada projek SASaR dan PSV 1 Residences di Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur. Pendapatan ini tiada pada tahun kewangan 2022.</p>

27.09.23 (Rabu) 10.30 pagi	Magni-Tech Industries Berhad (AGM)	<p>Pendapatan MAGNI meningkat 22.6% tahun ke tahun kepada RM1.212 bilion (tahun kewangan 2022: RM988.97 juta), terutamanya disebabkan oleh pemuliharan dalam pengeluaran dan pesanan jualan yang diterima pada tahun kewangan 2023. Ini adalah kerana penutupan yang ketat selama 2.5 bulan di Vietnam berikutan wabak COVID-19 telah menjasaskan pengeluaran dan pesanan jualan pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Namun begitu, untung bersihnya hanya meningkat 7.3% kepada RM95.4 juta berbanding RM91.7 juta pada tahun kewangan 2022 disebabkan peningkatan kos operasi.</p> <p>Segmen Pakaian kekal sebagai penyumbang pendapatan utama yang menyumbang 92% kepada jumlah pendapatan Kumpulan (tahun kewangan 2022: 90%).</p>
27.09.23 (Rabu) 11.00 pagi	Lay Hong Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Lay Hong melepas paras RM1 bilion buat kali pertama dalam sejarah. Pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan 2023 meningkat 11.40% kepada RM1.07 bilion (tahun kewangan 2022: RM960.31 juta) terutamanya disebabkan oleh segmen perniagaan pembuatan makanan yang menyaksikan peningkatan jualan nuget ayam dan frankfurter. Perniagaan runcit juga mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berikutan pelarasan harga jualan produk.</p> <p>Selaras dengan peningkatan pendapatan, untung sebelum cukainya melonjak 424.44% kepada RM40.21 juta (tahun kewangan 2022: RM7.67 juta), berikutan sumbangan yang lebih tinggi daripada semua segmen perniagaan khususnya pengilangan produk hiliran ayam.</p> <p>Selain itu, subsidi ayam dan telur yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun kewangan 2023 telah mengurangkan peningkatan mendadak dalam kos input untuk mil jagung dan kacang soya.</p>

27.09.23 (Rabu) 11.30 pagi	United Malacca Berhad (AGM)	<p>Walaupun harga minyak sawit mentah (crude palm oil, CPO) lebih rendah pada tahun kewangan 2023, pendapatan Kumpulan meningkat 9% atau RM50.5 juta tahun ke tahun, kepada RM604.5 juta berbanding RM554.0 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh pengeluaran CPO yang lebih tinggi serta pertambahan dalam tandan buah segar (<i>fresh fruit bunch, FFB</i>) yang diproses pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Pengeluaran CPO berjumlah 110,985 tan metrik pada tahun tersebut. Sementara itu, jumlah FFB yang diproses meningkat sebanyak 34% kepada 148,174 tan.</p> <p>Bagaimanapun, untung sebelum cukainya merosot 43% kepada RM82.2 juta berbanding RM144.1 juta pada tahun sebelumnya. Ini berpunca daripada kejatuhan harga CPO dan isirong sawit, serta peningkatan kos bahan dan kos buruh.</p>
27.09.23 (Rabu) 02.00 petang	SCGM Bhd (AGM)	<p>SCGM sedang dalam proses menyerahkan pelan penyusunan semula kepada pihak berkuasa selepas dikelasifikasikan sebagai Syarikat Tunai di bawah Perenggan 8.03(1) Syarat-syarat Penyenaraian.</p> <p>Syarikat telah menjual perniagaan pembuatan barang plastiknya pada harga RM544.38 juta pada September 2022 kepada Mitsui &amp; Co., Ltd dan FP Corporation. Sejak itu, syarikat beroperasi tanpa perniagaan teras.</p>
27.09.23 (Rabu) 02.30 petang	SAM Engineering & Equipment (M) Berhad (AGM)	<p>Perniagaan menyaksikan peningkatan pendapatan sebanyak 30.7% kepada RM329.1 juta berikutan peningkatan permintaan untuk selongsong enjin dan produk aerostruktur di tengah-tengah pemulihan industri penerbangan pasca wabak COVID-19.</p> <p>Bagaimanapun, segmen Aeroangkasa masih mengalami</p>

		<p>kerugian, dengan rugi sebelum cukai berjumlah RM1.9 juta, terutamanya disumbangkan oleh pendapatan awal tahun yang rendah serta peningkatan kos utiliti dan faedah.</p> <p>Pendapatan perniagaan Peralatan mencecah RM1.116 bilion, meningkat 24.6% daripada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, untung sebelum cukai meningkat hanya 4.3% kepada RM116.9 juta disebabkan perbelanjaan untuk projek peluasan di Thailand, peningkatan kos buruh serta perbelanjaan faedah yang lebih tinggi.</p>
29.09.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Genetec Technology Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan yang ditinjau, Kumpulan merekodkan pendapatan berjumlah RM294.6 juta, meningkat 31.8% berbanding RM223.6 juta pada tahun kewangan sebelum ini. Peningkatan ini disumbangkan oleh dua segmen perniagaan teras Kumpulan yang terdiri daripada Emobiliti dan Penyimpanan Tenaga serta segmen pemacu cakera keras (<i>hard disc drive, HDD</i>), masing-masing melaporkan peningkatan pendapatan sebanyak 33.9% dan 20.5%. Sehubungan itu, Kumpulan mencatatkan untung sebelum cukai sebanyak RM74.9 juta; lonjakan ketara sebanyak 20.2% daripada RM62.3 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p>
29.09.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Asia File Corporation Berhad (AGM)	<p>Pendapatan AFC menyusut 1.7% kepada RM317.6 juta pada tahun kewangan 2023. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh sumbangan bahagian pemfailan yang rendah, yang mana pendapatannya menyusut 2.3% kepada RM267.9 juta. Sementara itu, sumbangan pendapatan daripada bahagian barang makanan dan barang pengguna boleh dikitar semula meningkat 1.8% kepada RM49.6 juta. Untung sebelum cukai menyusut 15% kepada RM43.8 juta disebabkan oleh bahagian kerugian daripada syarikat bersekutu sebanyak RM8.7 juta berbanding bahagian keuntungan berjumlah RM13.0 juta setahun lalu.</p>

29.09.23 (Jumaat) 11.00 pagi	<p>SKP Resources Berhad (AGM)</p> <p>Meskipun menghadapi persekitaran yang mencabar pada tahun kewangan 2023, SKP mencapai keputusan yang memberangsangkan dengan pendapatan kira-kira RM2.52 bilion, menandakan pertumbuhan bagi tahun keempat berturut-turut.</p> <p>Segmen Perkhidmatan Pembuatan Elektronik (<i>Electronics Manufacturing Services, EMS</i>) kekal sebagai penyumbang utama Kumpulan.</p> <p>SKP bersedia untuk melangkah lebih jauh dengan pelaburan berjumlah RM13.53 juta dalam segmen bukan EMS dan RM100.58 juta dalam EMS pada tahun kewangan 2023. Syarikat juga telah melancarkan produk boleh dikitar semula untuk segmen bukan EMSnya.</p>
---------------------------------	--

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
NTPM Holdings Berhad	<p>Pada 30 April 2023, nisbah kewangan Kumpulan iaitu jumlah pinjaman bank dibahagikan dengan pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan ialah 5.97 kali. Nibong Tebal Paper Mill Sdn. Bhd. dan Nibong Tebal Personal Care Sdn. Bhd. telah melanggar perjanjian kewangan pinjaman bank mereka yang menyatakan bahawa nisbah ini tidak boleh melebihi 5.00 kali pada setiap masa. Namun begitu, selepas tahun kewangan berakhir, bank pemberi pinjaman telah memberikan kelonggaran kepada Kumpulan untuk menyelesaikan hal-hal berkaitan pelanggaran perjanjian kewangan ini. Bank pemberi pinjaman bersetuju untuk meneruskan kemudahan perbankan sehingga semakan seterusnya. (Halaman 133, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Selepas tahun kewangan berakhir 30 April 2023, adakah Kumpulan telah menyelesaikan hal-hal berkaitan pelanggaran perjanjian kewangan itu?</li> <li>b) Apakah kesan kewangan kepada Kumpulan jika pelanggaran perjanjian kewangan itu masih belum dapat diselesaikan selepas semakan seterusnya oleh bank pemberi pinjaman?</li> </ul>
BESHOM Holdings Berhad	<p>Apabila persekitaran perniagaan menjadi lebih mencabar, Kumpulan mengalami penurunan dalam pangkalan pengedarnya pada tahun kewangan 2023, yang menjelaskan pendapatan (Halaman 18, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Setakat ini, bagaimanakah pertumbuhan pangkalan pengedaran Kumpulan di Malaysia Barat dan Malaysia Timur?</p>

Talam Transform Berhad	<p>Hartanah siap Kumpulan meningkat daripada RM17.1 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM29.5 juta pada tahun kewangan 2023, dengan peningkatan 72.5% atau RM12.4 juta. (Halaman 104, Laporan Tahunan)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Mengapakah terdapat lonjakan dalam inventori harta tanah siap pada tahun kewangan 2023 berbanding tahun kewangan 2022?</li> <li>b) Sila senaraikan penambahan harta tanah siap pada tahun kewangan 2023 mengikut jenis, unit dan nilai.</li> <li>c) Apakah cabaran yang dihadapi Kumpulan untuk menghabiskan harta tanah siap pada tahun kewangan 2023?</li> </ul>
AT Systemization Berhad	<p>Kumpulan terus mengalami kerugian tahun demi tahun. Kerugiannya kian meningkat dalam dua tahun kewangan yang lalu meskipun mencatatkan pendapatan yang jauh lebih tinggi. (Halaman 5, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Mengapakah Kumpulan masih mencatatkan kerugian yang tinggi dalam dua tahun kewangan yang lepas walaupun terdapat peningkatan ketara dalam pendapatan berbanding tahun-tahun kewangan sebelumnya? Adakah pihak Pengurusan dapat mengubah prestasi Kumpulan menjadi entiti yang menguntungkan dan apakah garis masa yang dijangkakan?</p>
Microlink Solutions Berhad	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penghutang dagangan pihak ketiga Kumpulan yang terjejas kredit yang telah mele过 tempoh melebihi 60 hari telah melonjak 58.47% daripada RM12.57 juta pada tahun kewangan berakhir 2022 kepada RM19.92 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 (Halaman 52, Laporan Tahunan 2023 Jilid 2). <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Melihat jumlah tertunggak meningkat dengan ketara, apakah kesukaran yang dihadapi oleh Kumpulan sewaktu membuat kutipan penghutang dagangan yang mele过 tempoh melebihi 60 hari?</li> <li>b) Siapakah pelanggan yang terangkum dalam kategori ini (lewat tempoh 60 hari) daripada penghutang Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2023 dan apakah profil mereka?</li> <li>c) Berapakah jumlah tertunggak yang berjaya dikutip setakat ini?</li> </ul> </li> <li>2. Peruntukan kerugian rosot nilai ke atas jumlah terhutang oleh anak syarikat mengalami lonjakan ketara daripada RM926,964 pada tahun kewangan 2022 kepada RM4.03 juta pada tahun kewangan 2023 (Halaman 18, Laporan Tahunan 2023 Jilid 2).</li> </ol>

	<p>a) Apakah yang mencetuskan peningkatan ketara dalam kerugian rosot nilai?</p> <p>b) Adakah rosot nilai ini dijangka meningkat pada masa hadapan?</p>
Farm Fresh Berhad	<p>Menurut laporan media, sebuah pemain tersenarai terkemuka dalam industri makanan dan minuman telah melabur sekurang-kurangnya RM1b untuk membangunkan ladang tenusu bersepadu di Gemas, Negeri Sembilan.</p> <p>a) Adakah kemasukan pemain baharu dalam pengeluaran susu segar dijangka akan menjelaskan pelan pengembangan kapasiti bagi kerompok tenusu Kumpulan untuk jangka panjang? Sila jelaskan.</p> <p>b) Dengan bank tanah berkeluasan 5,367 ekar, adakah Kumpulan secara aktif mencari peluang mengembangkan bank tanahnya untuk dijadikan ladang tenusu?</p>
XL Holdings Berhad	<p>Kumpulan mencatatkan aliran tunai negatif secara berturut-turut dalam aktiviti operasi berjumlah RM22.9 juta dan RM8.7 juta masing-masing bagi tempoh kewangan berakhir 2023 dan tahun kewangan berakhir 2022. (Halaman 16, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Apakah tindakan yang diambil oleh Kumpulan bagi meningkatkan prestasi aliran tunai operasi?</p>
Esthetics International Group Berhad	<p>Segmen Pengedaran Produk mencatatkan pendapatan berjumlah RM63.2 juta pada tahun kewangan 2023, 35.2% lebih tinggi berbanding tahun kewangan 2022. Ini disebabkan tiada salun yang ditutup dalam kebanyakan pasaran Kumpulan pada tahun kewangan 2023. Meskipun pendapatan lebih tinggi, namun sebahagiannya diimbangi oleh tekanan inflasi dan kadar pertukaran matawang asing. Justeru, segmen tersebut melaporkan kerugian operasi yang lebih rendah iaitu sebanyak RM5.1 juta berbanding kerugian operasi berjumlah RM6.7 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>a) Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk memulihkan prestasi Segmen Pengedaran Produk selepas ia merekodkan kerugian operasi yang berturut-turut iaitu pada tahun kewangan 2023 dan tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Apakah prospek Segmen Pengedaran Produk dalam dua tahun kewangan akan datang memandangkan Kumpulan sudah pun bertindak membangunkan rangkaian pengedaran dan jenama?</p>
LB Aluminium Berhad	Segmen Hartanah mencatatkan kerugian berjumlah RM5.9 juta (tahun kewangan 2022: rugi sebelum cukai sebanyak RM799,000) terutamanya disebabkan oleh sumbangan yang lebih rendah daripada syarikat bersekutu serta kerugian rosot

	<p>nilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu sebanyak RM5.8 juta. (Halaman 66, Laporan Tahunan 2023)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Apakah alasan di sebalik kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu sedangkan syarikat bersekutu masih menjana keuntungan dan telah menyumbangkan bahagian keuntungan sebanyak RM305,000 kepada Kumpulan pada tahun kewangan 2023?</li> <li>b) Adakah syarikat bersekutu tersebut akan melancarkan sebarang projek pembangunan harta tanah baharu pada masa hadapan?</li> </ul>
Magni-Tech Industries Berhad	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelbagai penghutang Kumpulan melonjak 777% atau RM36,578,028 kepada RM41,284,042 pada 30 April 2023 (30 April 2022: RM4,706,014). (Halaman 87, Laporan Tahunan 2023) <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Apakah yang terangkum dalam pelbagai penghutang pada 30 April 2023?</li> <li>b) Setakat ini, menuju tahun kewangan 2024, berapakah amaun pelbagai penghutang yang berjaya dikutip semula pada 30 April 2023?</li> </ul> </li> <li>2. Perbelanjaan audit dalam yang ditanggung sepanjang tahun kewangan 2023 berjumlah RM14,815. (Halaman 55, Laporan Tahunan 2022) <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Memandangkan yurannya agak kecil (kira-kira RM1,235 sebulan) berbanding pendapatan Kumpulan sebanyak RM1.21 bilion bagi tahun kewangan 2023, bagaimanakah Jawatankuasa Audit memastikan terdapat perlindungan yang mencukupi serta fungsi audit yang berkesan?</li> <li>b) Apakah bidang atau kitaran audit utama yang diliputi oleh juruaudit dalam pada tahun kewangan 2023?</li> <li>c) Adakah kerja audit dalam meliputi operasi Vietnam pada tahun kewangan berakhir 2023?</li> </ul> </li> </ol>
Lay Hong Berhad	Pada tahun kewangan yang ditinjau, Kumpulan juga telah memulakan projek loji biogas dalam kelompok enam buah ladang ayam penelur dalam reban tertutup bersaiz besar untuk menjana tenaga elektrik bagi sebahagian daripada ladang tersebut. Ia dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun kewangan semasa berakhir 31 Mac 2024. (Halaman 12, Laporan Tahunan 2023)

	<p>a) Berapakah anggaran kos untuk pembinaan/ penyediaan loji biogas yang dimaksudkan?</p> <p>b) Sejauh manakah penjanaan elektrik daripada loji biogas itu dapat diterjemahkan kepada penjimatan kos bagi Kumpulan?</p> <p>c) Sebaik sahaja loji biogas beroperasi sepenuhnya, sejauh manakah ia dapat membantu mengurangkan jejak karbon Kumpulan?</p>
United Malacca Berhad	<p>Demi mengurangkan 100% pergantungan terhadap satu jenis tanaman di Malaysia dan Indonesia, Kumpulan melebarkan lagi usaha penanaman percubaan untuk tanaman baharu seperti lada dan nanas, selain stevia yang dimulakan pada tahun kewangan sebelum ini.</p> <p>a) Walaupun kami memahami hasrat Syarikat untuk mengurangkan risiko penumpuan, adakah tanaman baharu seperti lada, nanas dan stevia ini menawarkan nilai ekonomi yang sama dengan kelapa sawit daripada sehektar tanah, dalam jangka panjang? Sila huraikan sebab-sebab Syarikat memilih tanaman ini.</p> <p>b) Apakah keperluan buruh untuk penanaman tanaman-tanaman ini berbanding kelapa sawit?</p>
SCGM Bhd	<p>Setahun sudah berlalu sejak SCGM memuktamadkan pelupusan Lee Soon Seng Plastic Industries Sdn Bhd ('LSSPI') kepada Mitsui &amp; Co. Ltd dan FP Corporation ('Pelupusan') pada harga RM544.38 juta. Sehubungan itu SCGM diklasifikasikan sebagai Syarikat Tunai di bawah Perenggan 8.03(1) Syarat-syarat Penyenaraian (<i>Listing Requirements</i>, LR).</p> <p>SCGM bertanggungjawab mengemukakan cadangan untuk mendapatkan perniagaan teras baharu kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk kelulusannya dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pengumuman Nota Amalan 16 yang bertarikh 2 September 2022 dan melaksanakan cadangan itu dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh SC. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan penggantungan dan/ atau penyahsenaraian Syarikat daripada Bursa Malaysia.</p> <p>a) Pada 21 Ogos 2023, SCGM mengumumkan telah memohon lanjutan masa untuk menyerahkan pelan penyusunan semula kepada Bursa Malaysia Securities. Apakah status terkini untuk permohonan ini?</p> <p>b) SCGM kini sedang dalam proses mengenal pasti dan seterusnya memperoleh perniagaan/ aset baharu yang bersesuaian demi memenuhi syarat-syarat penyenaraian.</p>

	<p>Berapakah jumlah cadangan yang diterima oleh Syarikat? Apakah jenis perniagaan yang diceburi oleh syarikat-syarikat yang menghantarkan cadangan ini? Pada peringkat manakah rundingan ini?</p> <p>c) Berapa lamakah masa yang diambil oleh Kumpulan untuk menyerahkan pelan penyusunan semula kepada pihak berkuasa?</p> <p>d) Pada 30 April 2023, SCGM memegang wang tunai dan baki di bank sebanyak RM109.03 juta. Apakah senario yang memungkinkan Syarikat mengagihkan wang ini kepada pemegang saham?</p>
SAM Engineering & Equipment (M) Berhad	<p>Dalam jawapan kepada surat MSWG yang bertarikh 13 September 2022, Syarikat menyatakan bahawa inventoriya dijangka berkembang dan oleh itu terdapat keperluan untuk meningkatkan penampang bagi mengurangkan risiko gangguan rantai bekalan yang berpunca daripada ketegangan geopolitik dan penutupan akibat COVID.</p> <p>Dengan permintaan yang menyusut terhadap cip, perbelanjaan peralatan fabrikasi dijangka menurun kepada USD76 bilion (Halaman 28, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Memandangkan inventori Syarikat semakin meningkat, apakah jangkaan kesan penurunan dalam perbelanjaan peralatan fabrikasi ini ke atas inventori Syarikat?</p>
Genetec Technology Berhad	<p>Kumpulan berjaya mencapai keputusan yang luar biasa, dengan pendapatan dan keuntungan yang memecahkan rekod bagi tahun kewangan semasa yang berakhir 2023. Keputusan cemerlang ini disandarkan kepada pesanan yang kukuh daripada pelanggan utama dalam sektor E-mobiliti dan Penyimpanan Tenaga, terutamanya di Amerika Syarikat dan Eropah (Halaman 9, Laporan Tahunan 2023). Berapakah jumlah buku pesanan semasa Kumpulan yang masih tertunggak? Adakah ia mencukupi untuk memastikan pendapatan Kumpulan kekal kukuh pada masa hadapan?</p>
Asia File Corporation Berhad	<p>Sumbangan pendapatan daripada bahagian barang pengguna boleh dikitar semula dan bahagian peralatan makanan merangkumi 15.6% daripada jumlah pendapatan pada tahun kewangan 2023. Dengan penambahan produk baharu dan pengembangan pasaran, Kumpulan menjangkakan peratus sumbangan bahagian ini akan meningkat dari semasa ke semasa. (Halaman 4, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Apakah produk baharu yang diperkenalkan oleh bahagian ini pada tahun kewangan 2023?</p>

	<p>b) Berapakah jumlah unit penyimpanan stok (<i>stock keeping units</i>, SKU) yang dipunyai Kumpulan pada penghujung tahun kewangan 2023 berbanding setahun yang lalu?</p> <p>c) Mengikut perancangan, berapa banyak produk baharu yang bakal dilancarkan pada tahun kewangan 2024?</p> <p>d) Pasaran baharu manakah yang berjaya ditembusi oleh Kumpulan pada tahun kewangan 2023?</p> <p>e) Adakah terdapat mana-mana arah aliran pasaran atau pilihan pengguna tertentu yang diguna pakai oleh Kumpulan?</p>
SKP Resources Berhad	<p>Halaman 18, Laporan Tahunan 2023 menyatakan:</p> <p>“Kumpulan mencatatkan untung kasar berjumlah kira-kira RM319.66 juta, yang diterjemahkan kepada margin untung kasar sebanyak 12.7% bagi tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM324.83 juta atau margin untung kasar 14.0%) meskipun beroperasi dalam persekitaran yang mencabar. Ini berikutan kesan akibat pandemik di peringkat global yang masih berlarutan, inflasi serta konflik Rusia-Ukraine yang belum berkesudahan”</p> <p>Melihat cabaran yang perlu dihadapi, apakah strategi Syarikat untuk mengekalkan prestasi dan meningkatkan keuntungan pada tahun-tahun akan datang?</p>

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))

Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([yan.laikuhan@mswg.org.my](mailto:yan.laikuhan@mswg.org.my))

Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([lam.junket@mswg.org.my](mailto:lam.junket@mswg.org.my))

---

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai *Minority Shareholders Watch Group (MSWG)*.

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada

*pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*